

PELAN STRATEGIK

2016-2020



**SURUHANJAYA PELABUHAN
PULAU PINANG**



Perutusan, Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang	2
Prakata, Pengurus Besar Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang	3
Pengenalan	4
Sejarah	5
Fungsi Utama, Objektif dan Piagam Pelanggan	6
Punca Kuasa Akta, Undang-undang dan Peraturan	7
Pihak Berkepentingan (Stakeholders) dan Pelanggan	8 - 9
Visi, Misi dan Moto	10
Nilai-nilai Teras	11
Teras Strategik	12
Strategi dan Pelan Tindakan	13 - 18
Penutup	19

KANDUNGAN

PERUTUSAN Pengerusi

Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang

Pelan Strategik SPPP 2009 - 2015 telah pun berakhir dengan keberhasilan yang jelas digambarkan melalui peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan berintegriti. Kini, SPPP membuka lembaran baru dan berhadapan dengan cabaran yang lebih tinggi iaitu meneruskan peningkatan sistem penyampaian melalui Pelan Strategik SPPP 2016 - 2020 yang berupaya memberi impak yang besar khususnya kepada Pelabuhan Pulau Pinang.

Di dalam era globalisasi, industri pelabuhan adalah antara industri yang sentiasa dinamik dan begitu kompetitif. Sejalan dengan perubahan pesat industri pelabuhan, Pelabuhan Pulau Pinang perlu menyahut cabaran globalisasi dan mengambil langkah bagi mengangkat status Pelabuhan Pulau Pinang ke satu tahap atau platform yang lebih tinggi. Dalam hubungan ini, SPPP berusaha untuk meningkatkan daya saing dan memantapkan barisan pengurusan bagi menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan.

Saya yakin dengan penekanan yang diberi oleh SPPP kepada aspek promosi pelabuhan, integriti, ketelusan, akauntabiliti dan disokong oleh pengurusan yang kuat dan *mind set* yang betul, Pelan Strategik SPPP 2016 - 2020 dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah berusaha keras untuk menghasilkan Pelan Strategik SPPP ini dan berharap semua warga SPPP serta pihak-pihak yang berkepentingan memberi komitmen serta kerjasama dalam menjayakan Pelan Strategik SPPP.

(Pengerusi)

PRAKATA PENGURUS BESAR

PENGURUS BESAR SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

Syukur Alhamdulillah, Pelan Strategik SPPP bagi tempoh 2016 - 2020 telah dapat dibentuk. Pembentukan Pelan Strategik SPPP merupakan langkah pertama dalam menentukan hala tuju SPPP khususnya dan Pelabuhan Pulau Pinang amnya. Persekitaran pelabuhan yang dinamik telah menuntut SPPP untuk menggariskan strategi-strategi bagi menjadikan Pelabuhan Pulau Pinang mampu berdaya saing.

Pelan Strategik SPPP bagi tempoh 2016 - 2020 menekankan kepada enam teras strategik. Pelan tindakan yang komprehensif serta petunjuk prestasi utama telah ditentukan bagi pelaksanaan teras-teras strategik tersebut. Dengan adanya perancangan strategik ini, usaha-usaha penambahbaikan serta memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan SPPP diteruskan dengan giat lagi. Saya percaya matlamat SPPP bukanlah suatu matlamat yang sukar dicapai memandangkan tempoh pelaksanaan yang ditetapkan adalah realistik. Pelan Strategik ini akan dikaji dari masa ke semasa sesuai dengan perubahan dinamik industri pelabuhan.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua penjawat SPPP yang terlibat dalam pembentukan Pelan Strategik SPPP 2016 - 2020. Saya menyeru agar kita sama-sama komited untuk menggalas tanggungjawab untuk melaksanakan Pelan Strategik SPPP dengan penuh etika, integriti dan profesionalisme.

Semoga Pelan Strategik SPPP berjaya dilaksanakan, InsyaALLAH.

(PENGURUS BESAR)

PENGENALAN

Pelan Strategik SPPP merupakan dokumen hala tuju yang penting bagi SPPP dalam memperkasakan Pelabuhan Pulau Pinang sebagai pelabuhan bertaraf dunia. Ia merupakan pemangkin perubahan dan asas perancangan SPPP untuk masa depan. Melalui penggubalan Pelan Strategik, perancangan strategik yang ditetapkan dapat dilaksanakan dengan tersusun dan terselaras.

Dokumen Pelan Strategik ini yang merangkumi Visi, Misi, Nilai-nilai Teras, Teras Strategik, Strategi, Pelan Pelaksanaan dan Petunjuk Prestasi Utama telah dibentuk mengambil kira kedudukan SPPP pada masa kini serta aspirasinya. Keberkesannya terletak pada pelaksanaan dan pemantauan serta penilaian terhadap pencapaian matlamat yang ditetapkan. Bagi memastikan Pelan Strategik SPPP sentiasa relevan dan responsif, kajian semula Pelan Strategik akan dibuat dari masa ke semasa bagi menangani sebarang perubahan yang diperlukan bersesuaian dengan perubahan yang berlaku dalam jangka masa 2016 - 2020.

Pembentukan Pelan Strategik SPPP membolehkan SPPP mengorak langkah seiring dengan agensi-agensi lain di bawah Kementerian Pengangkutan demi mencapai visi Kementerian Pengangkutan untuk menjadi peneraju sistem pengangkutan bersepadu bertaraf dunia demi kesejahteraan sejagat.



SEJARAH

Pelabuhan Pulau Pinang adalah merupakan pelabuhan moden pertama di Malaysia. Bermula seawal tahun 1800 lagi, kapal-kapal dagang sudah mula berlabuh di perairan Pulau Pinang. Pada tahun 1872, Pelabuhan Pulau Pinang telah diisytihar sebagai pelabuhan bebas. Menjelang tahun 1903, Syarikat Limbungan Tanjung Pagar telah mula membina Jeti Swettenham. Pembinaan dermaga sepanjang 1,200 kaki ini adalah bagi menambah kecekapan kendalian di Pelabuhan Pulau Pinang. Pada waktu tersebut, Pelabuhan Pulau Pinang ditadbir oleh Jabatan Pelabuhan Pulau Pinang.

Pada tahun 1913, pentadbiran Pelabuhan Pulau Pinang telah diambil alih oleh Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang sehingga tahun 1954. Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang pada waktu tersebut masih lagi bergabung dengan Lembaga Pelabuhan Singapura dan berkongsi seorang Pengerusi. Dalam pada itu, Dermaga Perai telah dibuka pada tahun 1914 dan kuasa pentadbirannya diserahkan kepada Lembaga Keretapi Tanah Melayu.

Pada 2 Julai 1952, sebuah Jawatankuasa Pelabuhan Persekutuan telah dibentuk untuk mengkaji pembangunan-pembangunan jangka panjang pelabuhan-pelabuhan di Persekutuan Tanah Melayu. Pada masa itu Pelabuhan Pulau Pinang ditadbir oleh Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang di bahagian pulau dan Lembaga Keretapi Tanah Melayu di Perai. Jawatankuasa yang dibentuk tersebut memperakukan bahawa pengagihan kuasa seperti ini tidak akan menghasilkan kecekapan maksima bagi Pelabuhan Pulau Pinang. Oleh yang demikian, penubuhan sebuah badan berkuasa baru iaitu Suruhanjaya Pelabuhan yang bebas amat diperlukan.

Pada 30 November 1955, bacaan pertama Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang yang memperuntukkan penubuhan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang telah dibentangkan. Penubuhan Suruhanjaya ini membolehkan pemindahan tanggungjawab-tanggungjawab dari Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang dan juga sebahagian dari pentadbiran Keretapi Tanah Melayu di Perai kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) akhirnya secara rasmi ditubuhkan pada 1 Januari 1956 di bawah Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955. Vice Admiral J.W. Jefford telah dilantik sebagai Pengerusi dan Pengurus Besar SPPP yang pertama.

Mulai dari tarikh tersebut SPPP bertanggungjawab terhadap pentadbiran Pelabuhan Pulau Pinang seperti menyediakan dan menyelenggara kemudahan-kemudahan serta perkhidmatan pelabuhan dan feri.

Mulai 1 Januari 1994 operasi perkhidmatan pelabuhan dan perkhidmatan feri telah diswastakan kepada pengendali berlesen iaitu Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) mengikut Akta Pelabuhan-pelabuhan Penswastaan 1990. Berkuat kuasa 1 Januari 1999 pula, SPPP telah dilantik sebagai Pihak Berkuasa Pelabuhan dan Badan Kawal Selia bagi Jeti Teluk Ewa di Langkawi.

SPPP terus kekal dan berfungsi sebagai Pihak Berkuasa Pelabuhan, Badan Kawal Selia, Pihak Berkuasa Zon Bebas Komersil dan sebagai Fasilitator Perdagangan.

FUNGSI UTAMA

Bertindak sebagai Pihak Berkuasa Pelabuhan dalam mengawal dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pelabuhan.

Bertindak sebagai Badan Kawalselia dalam memantau pengendalian aktiviti dan pembangunan sekuriti dan keselamatan pelabuhan oleh operator pelabuhan.

Bertindak sebagai Pihak Berkuasa Zon dalam mentadbir Zon Bebas Komersil.

Bertindak sebagai Fasilitator Perdagangan dalam mempromosikan pelabuhan serta mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pengguna Pelabuhan Pulau Pinang

OBJEKTIF

Menyediakan persekitaran pelabuhan bertaraf dunia.

Memastikan penguatkuasaan serta pengawalseliaan pelabuhan dilaksanakan dengan berkesan dan berintegriti.

Mewujudkan persekitaran yang kompetitif melalui sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan pembangunan modal insan yang berkualiti.

PIAGAM PELANGGAN

- Perkhidmatan dan kemudahan pelabuhan yang disediakan oleh operator pelabuhan yang dilesenkan adalah cekap dan selamat serta mematuhi standard prestasi yang ditetapkan.
- Operator pelabuhan tidak mengenakan caj melebihi tarif yang diwartakan.
- Pelaksanaan pembangunan pelabuhan adalah selaras dengan Pelan Induk Pelabuhan.
- Pengesahan penerimaan aduan pengguna diuruskan dalam tempoh 24 jam.
- Kelulusan dagangan Zon Bebas dan dagangan berbahaya selesai dibuat dalam tempoh 24 jam.

PUNCA KUASA

AKTA, UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

1. *Penang Port Commission 1955 [Akta 140]*
2. *Port (Privatisation) Act 1990 [Akta 422]*
3. *Akta Zon Bebas 1990*
4. *Penang Port Commission By Law 1957, 1989, 1991*
5. *Licences / Agreements: -*
 - *Corporatisation of Penang Port*
 - *Sale of Business Agreement*
 - *Licence Granted by Penang Port Commission to Penang Port Sdn. Bhd. Under Section 9(3)(a) of the Ports (Privatisation) Act*
 - *Lease Agreement and Agreement to Sub-Lease*
 - *Management of Property Agreement*
6. *Penang Port Commission Financial Policies and Regulations*
7. *Penang Port Commission (Scales of Rates, Dues and Charges) By Laws 2006*
8. *International Ship and Port Facility Security (ISPS) Code*
9. *Akta Zon Bebas 1990*
10. *Peraturan-peraturan Zon Bebas 1991*
11. *Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1952*
12. *International Maritime Dangerous Goods Code (IMDG Code), Edition 2008*
13. *International Maritime Organisation (IMO) Recommendation on the Safe Transport of Dangerous Cargoes and Related Activities in Port Areas, Edition 1995*
14. *Kanun Keseksaan Dan Acara Jenayah*
15. *Pekeliling dan Arahan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang diterima pakai*
16. *GST Act, 2014*

PIHAK BERKEPENTINGAN (STAKEHOLDERS) DAN PELANGGAN

PIHAK BERKEPENTINGAN (STAKEHOLDERS)

- **MENTERI PENGANGKUTAN**
- **UNIT PERANCANG**
- **LEMBAGA SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG**
- **UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA**
- **KERAJAAN NEGERI DAN KERAJAAN PUSAT**
- **JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**
- **UNIT PERMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)**
- **KEMENTERIAN**
 - (a) Kementerian Pengangkutan Malaysia
 - (b) Kementerian Kewangan Malaysia
 - (c) Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
 - (d) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia
 - (e) Jabatan Audit Negara
 - (f) Pelancongan dan Kebudayaan

PELANGGAN

- **ORANG AWAM**
- **SEKTOR SWASTA**
- **JABATAN / BADAN-BADAN BERKANUN**
 - (a) Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja Malaysia
 - (b) Jabatan Imigresen Malaysia
 - (c) Jabatan Kesihatan Pelabuhan
 - (d) Jabatan Laut Semenanjung Malaysia
 - (e) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
 - (f) Polis DiRaja Malaysia
 - (g) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
 - (h) Jabatan Alam Sekitar
 - (i) Majlis Bandaraya Pulau Pinang
 - (j) Majlis Perbandaran Seberang Perai
 - (k) Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang
 - (l) Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut
 - (m) Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara
 - (n) Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah
 - (o) Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
 - (p) Jabatan Perancang Bandar dan Desa
 - (q) Jabatan Perparitan dan Saliran
 - (r) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
 - (s) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
- **DEWAN PERNIAGAAN DAN PERSATUAN**
 - (a) Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia (Cawangan Pulau Pinang dan Utara)
 - (b) Dewan Perniagaan Tionghoa Pulau Pinang
 - (c) Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Pulau Pinang
 - (d) Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kaum India Malaysia, Pulau Pinang
 - (e) Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia
 - (f) Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Perak
 - (g) Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Perak
 - (h) Dewan Perniagaan India Perak
 - (i) Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Kedah Darul Aman
 - (j) Persatuan Pemilik-pemilik Kapal Antarabangsa Malaysia
 - (k) Persatuan Pengimport dan Pengeksport Pulau Pinang
 - (l) Persatuan Wakil-wakil Penghantaran Pulau Pinang
 - (m) Persatuan Haulier Malaysia
- **PENGENDALI PELABUHAN / PEMBEKAL PERKHIDMATAN**
 - (a) Penang Port Sdn. Bhd.
 - (b) Maritrans (M) Sdn. Bhd.
 - (c) Northern Cargo Corporation Sdn. Bhd.
 - (d) Tunas Sejati Corporation Sdn. Bhd.
 - (e) Amalgamated Stevedoring Corporation Sdn. Bhd.
 - (f) Malaysia Trade and Transport Co. Sdn. Bhd.
 - (g) Penang Port Stevedore Corporation Sdn. Bhd.
 - (h) Ganu Jaya Sdn. Bhd.

Misi

Untuk Menjadi Pusat Kecemerlangan Dalam Sistem Penyampaian Pelabuhan


Misi

Memastikan Perkhidmatan Pelabuhan Cepak, Bersepadu,
Mesra Pengguna dan Berdaya Saing

Moto

Kecemerlangan Melalui Kecekapan

NILAI - NILAI TERAS



DINAMIK

Mempunyai tenaga dan kekuatan serta mampu membuat penyesuaian serta menerbitkan pembaharuan dan kemajuan.

PASSION FOR EXCELLENCE

Menjalankan tugas dengan tabah, komited, tekun, istiqamah, nilai tambah, redha dan semangat yang tinggi.

SENSE OF URGENCY AND OWNERSHIP

Bertindak segera dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Mewujudkan rasa bangga ke atas peranan yang telah dimainkan oleh setiap warga SPPP dalam melaksanakan projek dan hasilnya merupakan usaha bersama pasukan. Setiap individu dapat melihat kejayaan yang diperolehi yang merupakan hasil sumbangan setiap warga SPPP.

RESULT ORIENTED

Bertujuan menumpu fokus pada hasil pencapaian yang maksimum dengan pelaksanaan proses penyampaian yang efektif dalam usaha memenuhi objektif dan merealisasikan pertumbuhan yang positif.

AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI

Melaksanakan amanah dan kuasa dengan jujur, adil dan saksama. Berkhidmat dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab serta sempurna dan utuh. Memastikan tugas-tugas yang dilaksanakan mencapai objektif yang telah ditetapkan dan tiada pembaziran yang menjejaskan sumber-sumber awam.

TERAS STRATEGIK

1. **Memperkasa Infrastruktur**
2. **Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar (Safety, Security and Environment)**
3. **Usahasama Strategik dan Perkongsian Pintar (*Smart Partnership*)**
4. **Modal Insan Berprestasi Tinggi**
5. **Transformasi Minda dan Budaya Kerja**
6. **Melestari Penyampaian Perkhidmatan**

STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

Teras 1 **Memperkasa Infrastruktur**

Objektif: Memperkasakan prasarana pelabuhan bagi meningkatkan sistem penyampaian pelabuhan

Strategi	Pelan Tindakan	Petunjuk Prestasi/KPI	Tahun Sasaran
1. Menyokong usaha sektor swasta dalam pembangunan industri maritim	Mewujudkan persekitaran kawal selia yang menyokong peningkatan kemudahan/fasiliti maritim	Memproses permohonan/ pelan pembangunan yang lengkap dalam tempoh tujuh hari	Berterusan sehingga 2020
2. Membangunkan polisi yang baik dan responsif	(i) Mengemas kini polisi yang ada supaya lebih relevan (ii) Membentangkan polisi yang di bawah bidang kuasa Lembaga kepada Lembaga	Polisi diteliti Kelulusan Lembaga diperolehi	Berterusan sehingga 2020
3. Menyemak semula dan memantapkan Standard Prestasi Pelabuhan	(i) Mengembeling rangka kerja dengan operator dalam analisis ekonomi dan kapasiti fasiliti (ii) Membentangkan standard prestasi untuk kelulusan Lembaga	Operator mampu dan bersedia untuk mempertingkatkan produktiviti Kelulusan Lembaga diperolehi	Siap pada akhir 2017
4. Memudahcara pelaksanaan pembangunan	Memastikan tanah yang dipohon adalah mengikut Akta SPPP dan Kanun Tanah Negara	Tanah sedia untuk dibangunkan	Berterusan sehingga 2020
5. Memastikan peruntukan projek tersedia	Pelaksanaan projek berdasarkan dana sedia ada atau secara kerjasama awam swasta	Pelaksanaan projek berdasarkan <i>value for money</i>	Berterusan sehingga 2020
6. Memastikan pulangan terbaik dari pembangunan hartanah	Melaksanakan tender terbuka	(i) Asas penilaian berdasarkan JPPH (ii) Pulangan berasaskan penilaian JPPH	Berterusan sehingga 2020

Teras 2 Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar (*Safety, Security and Environment*)

Objektif: Memastikan Pelabuhan Pulau Pinang sebuah pelabuhan yang selamat dan terjamin.

Strategi	Pelan Tindakan	Petunjuk Prestasi / KPI	Tahun Sasaran
1. Memastikan kemudahan marin dan kawasan pengangkutan maritim mencapai piawaian dari segi keselamatan dan sekuriti	Menjamin pematuhan dan menyelaras hal-hal berkaitan keselamatan di dalam kawasan pengangkutan maritim	Status Pematuhan <i>International Ship and Port Facility Code</i> (ISPS Code) di semua kemudahan marin dan kawasan pengangkutan maritim dikekalkan	Berterusan sehingga 2020
2. Bekerja rapat dengan agensi berkaitan untuk mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang	Koordinasi penguatkuasaan yang berterusan bersama polis bantuan pelabuhan dengan agensi penguatkuasaan lain seperti PDRM, AADK dan Jabatan Kesihatan	Operasi berbilang agensi dilaksanakan sekurang-kurangnya dua belas (12) kali setahun	Berterusan sehingga 2020
3. Meletakkan aspek keselamatan sebagai keutamaan dan membudayakan aspek keselamatan di tempat kerja	(i) Memberi penerangan melalui dialog, kempen keselamatan, kursus, latihan dan mengadakan program keselamatan (ii) Memastikan penguatkuasaan yang berterusan	Mengadakan sesi dialog, kempen keselamatan, kursus, latihan dan program keselamatan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun Tahap pematuhan kepada 100%	Berterusan sehingga 2020
4. Mengamalkan ukuran prestasi antarabangsa dan amalan yang baik	Melaksanakan <i>Internal Security Audit of Marine Facilities</i>	Laporan auditan yang memastikan 100% pematuhan tanda aras	Berterusan sehingga 2020

Teras 3 Usahasama Strategik dan Perkongsian Pintar (*Smart partnership*)

Objektif: Mempergiatkan usaha sama strategik dan perkongsian pintar (*smart partnership*) dengan badan-badan Kerajaan dan bukan Kerajaan dalam dan luar negara.

Strategi	Pelan Tindakan	Petunjuk Prestasi / KPI	Tahun Sasaran
1. Bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan (<i>smart partnership</i>)	<ul style="list-style-type: none"> i) Menenal pasti agensi yang berkenaan ii) Rundingan tentang skop kerjasama dan faedah kepada organisasi 	<ul style="list-style-type: none"> i) Agensi dikenal pasti ii) Hasil rundingan menjamin kepentingan SPPP 	Berterusan sehingga 2020
2. Memantapkan pangkalan data	<ul style="list-style-type: none"> i) Mengumpul dan mengesahkan data ii) Menganalisa data iii) Berkongsi data dengan pihak berkepentingan 	Pangkalan data yang tepat dan menjadi sumber rujukan	Berterusan sehingga 2020
3. Memantapkan strategi samudera biru dan memantapkan strategi samudera merah	<ul style="list-style-type: none"> i) Mengekalkan SPCT sebagai cruise hub No. 1 di Malaysia ii) Mewujudkan kerjasama strategik dengan agensi-agensi lain 	<ul style="list-style-type: none"> i) SPCT sebagai cruise hub No. 1 di Malaysia ii) Jaringan kerjasama yang luas, jalinan kerjasama yang erat 	Berterusan sehingga 2020

Teras 4 **Modal insan berprestasi tinggi**

Objektif: Membina keupayaan modal insan dengan mengenalpasti kemahiran dan kapasiti yang sesuai untuk menghadapi cabaran perkhidmatan awam yang dinamik.

Strategi	Pelan Tindakan	Petunjuk Prestasi / KPI	Tahun Sasaran
1. Menstrukturkan semula organisasi SPPP	<ul style="list-style-type: none"> i) Menyemak semula struktur sedia ada ii) Mencadangkan penambahbaikan 	Struktur memenuhi keperluan strategik	2017
2. Meningkatkan kompetensi sumber manusia melalui kursus dan kajian keperluan latihan	<ul style="list-style-type: none"> i) Menjalankan Kajian Keperluan Latihan (TNA) ii) Merangka kursus-kursus yang memenuhi keperluan iii) Memberi penganugerahan dan pengiktirafan untuk individu dan organisasi 	<p>Mengenal pasti keperluan</p> <p>Bilangan kursus dan analisis tahap kompetensi</p> <p>Pemilihan yang profesional</p>	Setiap tahun sehingga 2020

Teras 5 Transformasi minda dan budaya kerja

Objektif: Menambahbaik keupayaan SPPP dalam kepakaran, sistem dan proses untuk menghadapi perubahan.

Strategi	Pelan Tindakan	Petunjuk Prestasi / KPI	Tahun Sasaran
1. Membudayakan inovasi dan kreativiti	<ul style="list-style-type: none"> i) Menyediakan platform untuk pegawai/ kakitangan menyuarakan idea ii) Penerapan nilai-nilai positif 	<ul style="list-style-type: none"> i) Penghasilan projek-projek inovatif dan kreatif ii) Laporan audit nilai 	Berterusan sehingga 2020
2. Memperkemaskan sistem, proses, prosedur dan mudahcara (BPR)	<ul style="list-style-type: none"> i) Menyemak semula dan memperkemaskan sistem kerja, proses dan prosedur (proses reengineering) ii) Mengadakan bengkel 	<ul style="list-style-type: none"> i) Masa proses dikurangkan berdasarkan <i>standard</i> yang ditetapkan oleh Pihak Pengurusan ii) Bengkel sebanyak dua (2) kali setahun diadakan 	Berterusan sehingga 2020

Teras 6 Melestari penyampaian perkhidmatan

Objektif: Meningkatkan keberkesanan sistem urus tadbir

Strategi	Pelan Tindakan	Petunjuk Prestasi / KPI	Tahun Sasaran
1. Pengurusan kewangan berintegriti	<ul style="list-style-type: none"> i) Pelaksanaan pembayaran dalam tempoh empat belas (14) hari ii) Pembayaran secara atas talian iii) Pengagihan peruntukan secara cekap dan berkesan 	<ul style="list-style-type: none"> i) Tidak melebihi empat belas (14) hari ii) 100% pembayaran di buat secara atas talian iii) Perbelanjaan tidak melebihi 95% daripada bajet yang diluluskan 	Berterusan sehingga 2020
3. Pengisytiharan harta	Personel kewangan bebas rasuah	Personel kewangan mengisytiharkan harta setiap tiga (3) tahun	Berterusan sehingga 2020
4. Tadbir urus yang cekap	Memperkasakan kawalan dalaman	Laporan audit dalam dan integriti adalah benar dan saksama	Berterusan sehingga 2020
5. Penggunaan ICT secara menyeluruh	<ul style="list-style-type: none"> i) Kajian semula PSTM (Pelan Strategik Teknologi Maklumat) ii) Meningkatkan kompetensi personel 	<ul style="list-style-type: none"> i) PSTM 2017-2021 ii) Sentiasa peka dengan perkembangan terkini mengenai IT 	Berterusan sehingga 2020
6. <i>Menguruskan Sistem Pengurusan Aduan Awam secara berkesan</i>	Pelaksanaan Sistem Pengurusan Aduan Awam secara berkesan	Tempoh penyelesaian aduan awam:- <ul style="list-style-type: none"> i) Aduan mudah - 5 hari bekerja ii) Aduan sederhana - 15 hari bekerja iii) Aduan kompleks - 16 - 365 hari bekerja 	Berterusan sehingga 2020

Penutup

Pelan Strategik SPPP 2016-2020 merupakan hasil daripada perancangan menyeluruh supaya SPPP sentiasa berada pada tahap kesiapsiagaan yang tinggi bagi menghadapi cabaran. SPPP memastikan Pelan Strategik ini sejajar dengan visi dan misi Kementerian Pengangkutan serta memenuhi aspirasi Misi Nasional. Hala tuju yang terancang membolehkan SPPP memfokus dan melaksanakan strategi-strategi yang telah ditetapkan dengan lebih berkesan di samping memastikan usaha SPPP membangunkan Pelabuhan Pulau Pinang dan meningkatkan sistem penyampaian dapat menghasilkan impak positif yang besar serta prestasi yang tinggi.

Dengan persekitaran industri pelabuhan yang sentiasa dinamik, SPPP perlu sentiasa peka terhadap perubahan-perubahan yang berlaku dalam sektor ini. Pelan Strategik SPPP bagi tempoh 2016-2020 telah dibentuk dan dirancang bagi memastikan Pelabuhan Pulau Pinang mampu berdaya saing. Pemantauan serta penambahbaikan yang berterusan akan sentiasa dilakukan agar Pelabuhan Pulau Pinang terus responsif dan relevan.

Kejayaan Pelan Strategik SPPP bergantung pada usaha gigih dan komitmen yang tinggi daripada setiap lapisan warga SPPP. Ia merupakan satu tanggungjawab yang perlu digalas bagi memastikan SPPP mencapai visi dan misinya. Walaupun Pelan Strategik ini adalah tanggungjawab setiap lapisan warga SPPP namun kerjasama serta perkongsian pintar dengan pengendali pelabuhan, pengguna pelabuhan serta pihak-pihak lain yang berkepentingan juga adalah penting bagi memastikan Pelabuhan Pulau Pinang menjadipusat kecemerlangan dalam sistem penyampaian pelabuhan.

